



ISKANDAR

SAYANGI EKOSISTEM PAYA BAKAU



Dengan Kerjasama



Cetakan Pertama 2022

Hak Cipta Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Universiti Teknologi Malaysia

Hak cipta terpelikara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanikal atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Universiti Teknologi Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISKANDAR

ISBN 978-967-25987-1-8

Penyunting

Mohamed Raheezad bin Mohamed Anuar

Pelukis Grafik

Kamarul Azizi bin Kamarul Azhan

Penulis Utama

Norhidayah binti Md. Yunus

Penulis Bersama

Ruzanna binti Mohamed, Safwan bin Shaeri, Mohd Fadhil bin Md Din, Sapura binti Mohamed, Serina Rahman, Nurul Hawani binti Idris, Rashida binti Abdul Majid, Nina Diana binti Nawi, Fatim Aliyah Phang, Norhadiza binti Darwin, Mohd Aizad bin Osman, Livingwater A/P Pannusamy, Sharifah Shahidah binti Syed Ahmad, Choo Hui Hong, Mohd Munir bin Hj Baharam, Mohd Nazir bin Mohamed Ismail, Pendak bin Ahmad, Lakman Hafiz bin Asary

Penghargaan Khas

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Penghargaan

Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
Fakulti Alam Bina dan Utar, Universiti Teknologi Malaysia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar
SWM Environment Sdn. Bhd.
Pejabat Pelestarian Kampus, Universiti Teknologi Malaysia
Kolej Rahman Putra, Universiti Teknologi Malaysia
Kumpulan Kajian Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia
Penduduk Kampung Sungai Melayu
Kelab Alami

Diterbitkan di Malaysia oleh

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Bandar Medini Iskandar, Iskandar Puteri, Johor

Soal Selidik: <https://bit.ly/bukuiskandar>

Imbas




Iskandar tinggal di kawasan Iskandar Puteri, Johor.
Dia seorang murid tahun 5 yang gemar mengembara
dan sering menyertai aktiviti berkaitan alam sekitar.
Namun, dia tidak pernah sama sekali menjejak kaki ke
kawasan paya bakau.



INFO 1:

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
telah memenangi anugerah peringkat
antarabangsa iaitu
50 CAP- Commonwealth Association
of Planners for Outstanding
Achievement Planning in the
Commonwealth, 2021.



KEPENTINGAN MEMELIHARA PAYA BAKAU

oleh
Kelab Alami

INFO 2:

Kelab Alami merupakan kelab pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar yang terletak di Kampung Ladang, Mukim Tanjung Kupang.


Pada suatu hari, sekolah Iskandar telah dikunjungi oleh Dr. Serina yang merupakan salah seorang pencetus dan ahli kepada Kelab Alami.



INFO 3:

Paya bakau merupakan ekosistem semula jadi yang terdapat di pantai berlumpur seperti muara sungai, lagun, delta atau teluk.

Infografik 1: Haiwan yang mendiami ekosistem hutan paya bakau.



Aktiviti 1: Teka silang kata
berdasarkan Infografik 1





Setelah mendengar penerangan Dr Serina, Iskandar berasa sangat teruja untuk mengenali ekosistem paya bakau dengan lebih mendalam.



← KANTIN



Keesokan harinya, Iskandar ternampak poster 'Kem Jelajah Kampung Sungai Melayu' yang ditampal pada papan kenyataan. "Wah, menariknya!" kata Iskandar. Lantas, Iskandar bergegas ke bilik guru untuk berjumpa guru penyelarasan kem tersebut bagi mendapatkan keterangan lanjut.

Sehari sebelum program, Iskandar menyiapkan segala keperluan dan kelengkapan diri untuk mengikuti kem tersebut.




Iskandar tidak dapat melepapkan mata kerana terlalu teruja membayangkan pengalamannya menaiki bot menyusuri Sungai Melayu sambil melihat rimbunan pokok bakau dan menyaksikan sendiri kerlipan cahaya kelip-kelip.



Hari yang dinanti-nantikan telah tiba. Seawal pagi, ibu dan bapa Iskandar telah menghantarnya ke Dataran Iskandar Puteri. Sebelum bertolak, para peserta mendengar taklimat ringkas yang disampaikan oleh guru pengiring.



Selepas itu, mereka bergerak ke Kampung Sungai Melayu. Ketibaan para peserta disambut mesra oleh Tok Wan, iaitu Ketua Kampung Sungai Melayu.



INFO 4:

Kampung Sungai Melayu terletak di persisiran Selat Johor. Kampung ini kaya dengan ekosistem semulajadi hutan paya bakau.


Setibanya di sana, para peserta dibawa ke tapak perkhemahan. Mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diminta untuk mendirikan khemah mengikut kumpulan masing-masing. Iskandar sempat berkenalan dengan Puteri yang juga merupakan peserta kem tersebut.



Iskandar dan para peserta diberikan buku nota untuk digunakan sebagai catatan dan lakaran sepanjang kem berlangsung.




Peta Pengembaraan Kampung Sungai Melayu



INFO 5

Kegiatan ekonomi utama di Kampung Sungai Melayu ialah rumah rakit dan aktiviti penternakan kupang. Kegiatan ini menjadi daya tarikan kepada ekopelancongan di Kampung ini.

Demonstrasi Menjala



Industri Keropak Kupang

Tinggalan Sejarah Kampung Sungai Melayu

DUMAH BAKIT


Pada sebelah malam pula, Iskandar dan rakan-rakan dibawa menaiki bot untuk melihat kelip-kelip. Alangkah hiba rasa hati Iskandar apabila melihat kerlipan cahaya kelip-kelip semakin pudar. Ini petanda bahawa habitat kelip-kelip di kawasan ini semakin berkurangan.



INFO 6:

Kelip-kelip semakin berkurangan akibat kerancakan pembangunan di kawasan tebing sungai dan kemusnahan habitatnya.

Infografik 2: Kitaran hidup kelip-kelip.



Keesokan paginya, Iskandar dan rakan-rakan dibawa ke kawasan paya bakau untuk menanam anak pokok bakau. "Apakah yang akan berlaku pada anak pokok yang ditanam ini?" tanya Iskandar.



INFO 7:

Jenis-jenis pokok bakau.



Bakau Minyak dan Bakau Karap



Api-Api Petis dan Api-Api Jambu



Perapat dan Gedabu



Tumu Merah, Serus dan Lenggodel

INFO 8:

Hutan paya bakau di Malaysia seluas 537,686 hektar di mana 70% daripadanya diwartakan sebagai Hutan Simpan Sementara dan 30% adalah kawasan bakau negeri. Dari jumlah keseluruhan, sejumlah 32,301 atau 6% daripada keseluruhan hutan paya bakau laut berada di negeri Johor




Terdengar pertanyaan Iskandar itu, lantas Tok Wan memberitahu bahawa anak pokok bakau mengambil masa selama 10 tahun untuk matang. Pokok yang matang akan membantu dalam mengawal hakisan pantai dan berfungsi sebagai perangkap sampah dan sisa terapung organik daripada terus hanyut ke laut.

Selesai aktiviti menanam anak pokok bakau, Iskandar dan rakan-rakan dibawa menaiki bot sambil menelusuri kawasan paya bakau.



Aktiviti 2: Tampalkan nama-nama haiwan yang terdapat di kawasan paya bakau.



Aktiviti 3: Tampil dan suai padankan nama haiwan dengan gambar.



Udang



Ikan Sumpit



Bangau



Cicak



Memerang



Kupang



Kongkang



Katak



Monyet



Ikan Belacak



Ular



Ketam

Ketika sesi pembentangan Iskandar menunjukkan hasil lakaran kreatif ekosistem paya bakau di Sungai Melayu yang dihasilkannya.



Guru meminta Iskandar berkongsi pengalaman pengembaraannya menyertai 'Kem Alam Sekitar Jelajah Sungai Melayu' kepada rakan-rakan ketika sesi pembelajaran berlangsung di dalam kelas. Rakan-rakan sekelasnya begitu khusyuk dan seronok mendengar cerita pengembaraannya.





Apa yang dapat kita pelajari daripada kisah Iskandar adalah mengenai kepentingan mengenali dan menghargai warisan semula jadi di negara kita. Usaha murni Iskandar dan rakan-rakan menanam anak pokok bakau di Sungai Melayu adalah satu contoh yang mesti diikuti oleh kita supaya flora dan fauna kekal terpelihara. Marilah bersama-sama kita mendoakan agar anak pokok yang ditanam oleh Iskandar dapat mengekalkan ekosistem paya bakau di Sungai Melayu.



Muaru Kampung Sungai Melayu, Diklik.com, 2014



Tanjung Karang, Diklik.com, 2014

Penghargaan kepada

Penduduk Kampung Sungai Melayu

(<https://www.facebook.com/EcoTourismKampungSungaiMelayu>)

Kelab Alami

(<https://www.facebook.com/KelabAlami>)



GERAN KOMUNITI
ISKANDAR PUTERI

RENDAH KARBON 1.0

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAH

4 PENDIDIKAN BERKUALITI 	6 AIR BERSIH DAN SANITASI 	8 PEKERJAAN YANG BAIK DAN PERTUMBUHAN EKONOMI 	11 BANDAR DAN KOMUNITI MAMPAH 	13 TINDAKAN IKLIM 	14 HIDUPAN BAWAH AIR 	15 HIDUPAN DARAT 
---	---	---	---	--	--	--

100% 078-967 09801 1-9

